

Ucapan Alu-aluan

Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-16

27 Julai 2022 (Rabu), RAlA Hotel Alor Setar, Kedah Darul Aman

Datuk Prof. Dr Mohamad Akram Laldin

(Pengarah Eksekutif, Pusat Pengurusan Penyelidikan ISRA, Universiti INCEIF)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

1. Terlebih dahulu dengan penuh hormat dan takzimnya patik bagi pihak seluruh hadirin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah sudi mencemar Duli berangkat bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-16 2022 pada pagi ini.
2. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat dialukan oleh semua hadirin yang rata-ratanya adalah cendekiawan Syariah dan pengamal industri kewangan Islam dan zakat. Kesudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat ke Majlis ini adalah jelas menunjukkan sokongan dan komitmen yang tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap perkembangan industri kewangan Islam, zakat dan kepenasihatatan Syariah.
3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sebagai payung negeri, tempat bernaung dan menumpang kasih semua hamba rakyat, sememangnya sentiasa mengambil berat perihal ekonomi rakyat dan hal ehwal agama.

Ampun Tuanku,

4. Dengan limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan seterusnya patik memohon keizinan untuk mempersembahkan sepatah dua ucapan penghargaan kepada sidang hadirin.

Ampun Tuanku,

5. Yang Berhormat Brigedier Jeneral (B) Dato' Haji Najmi bin Haji Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pendidikan dan Sumber Manusia Negeri Kedah, mewakili Menteri Besar Kedah Darul Aman

Yang Berhormat Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, merangkap Pengerusi Lembaga Zakat Negeri Kedah

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman,

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato'/Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

6. Bagi pihak penganjur bersama, Universiti INCEIF dan Lembaga Zakat Negeri Kedah, ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Brigedier Jeneral (B) Dato' Haji Najmi bin Haji Ahmad dan Yang Berhormat Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim yang telah sudi melapangkan masa untuk hadir ke Majlis Perasmian Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara pada pagi ini. Begitu juga kepada dif-dif kehormat yang lain dan para hadirin yang telah sudi hadir menjadi tetamu pada pagi ini, terima kasih diucapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala kerana dengan kurnia dan inayah-Nya, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-16 2022 dapat dianjurkan pada tahun ini setelah dua tahun penganjurannya dilaksanakan secara maya sewaktu pandemik COVID-19.
8. Muzakarah ini merupakan persidangan tahunan yang dihadiri oleh para alim ulama, Penasihat Syariah, cendekiawan Islam, penggubal dasar serta pengamal dan pakar-pakar kewangan seantero Nusantara. Ia berfungsi sebagai platform bagi menguraikan serta mendalami isu-isu yang berbangkit dalam industri kewangan Islam.

9. Melihat kepada konteks semasa, pandemik COVID-19 telah memberikan tekanan yang besar terhadap ekonomi dan sistem kewangan global. Kini, negara dalam proses pemulihan daripada kesan buruk pandemik dan pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam membantu masyarakat dan ekonomi. Institusi kewangan Islam dan badan-badan korporat beserta institusi zakat turut bertanggungjawab dalam membantu kestabilan sosio-ekonomi negara.

10. Dengan bertemakan “Ke Arah Pembangunan Inovasi dan Rangkuman Kewangan Islam”, Muzakarah kali ini akan memfokuskan inovasi dalam produk kewangan Islam di samping perbincangan berkenaan rangkuman kewangan khususnya zakat. Melihat kepada konteks semasa, tema ini sangat relevan dan bersesuaian kerana ia memberi ruang dan peluang kepada para cendekiawan sekalian untuk mencambahkan idea dan buah fikiran yang bernas. Patik percaya Muzakarah ini akan mendorong pemain industri kewangan Islam untuk menyediakan produk yang lebih berinovasi untuk dijadikan penanda aras bagi para pemain industri yang lain. Buat julung kalinya, Muzakarah kali ini turut akan mengupas kelestarian institusi pondok dalam mendokong agenda kewangan Islam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Inovasi dan Perkembangan Teknologi

11. Kita perlu berbangga, di peringkat global, Malaysia sekali lagi menduduki tempat pertama dalam sektor kewangan Islam bagi sembilan tahun berturut-turut.¹ Malaysia turut menjuarai dalam teknologi kewangan (fintech) sebagaimana Laporan yang diterbitkan oleh Dinar Standard, Global Islamic Fintech Report.²

12. Dalam meneruskan kejayaan tersebut, Bank Negara Malaysia telah merencanakan Pelan Sektor Kewangan 2022–2026 yang menggariskan keutamaan bank pusat dalam membangunkan sektor kewangan bagi tempoh lima tahun akan datang. Antara bidang yang diberi penekanan khusus adalah pendigitalan dalam sektor kewangan dan pembangunan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam.

¹ State of the Global Islamic Economy Report 2022, Dinar Standard; Islamic Finance Development Report 2021, Refinitiv.

² Global Islamic Fintech Report 2021, Dinar Standard.

13. Di samping itu, Pelan Induk Pasaran Modal 3 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia turut memfokuskan rangkuman digital serta penawaran produk pasaran modal yang berinovasi dalam membantu sektor kewangan sosial Islam.
14. Oleh yang demikian, dalam merealisasikan aspirasi tersebut, peranan penasihat Syariah dan pengamal industri amat penting dalam membangunkan produk yang berinovasi selari dengan arus perkembangan teknologi. Anjakan paradigma tersebut memerlukan pendekatan Syariah yang lebih adaptif dan memenuhi keperluan Maqasid Syariah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pembangunan Sosio-Ekonomi Melalui Kewangan Sosial

15. Dalam membangunkan sosio-ekonomi yang progresif, instrumen kewangan sosial perlu lebih anjal dan kreatif, selari dengan perkembangan teknologi.
16. Kini, institusi kewangan Islam telah menawarkan pelbagai solusi dan produk kewangan yang inovatif melalui penerapan instrumen kewangan sosial. Antaranya pemberian dana kewangan sosial, pembangunan infrastruktur, khidmat latihan, kepakaran teknikal dan sebagainya. Kejayaan ini tidak akan dicapai tanpa jalinan kerjasama dengan Majlis Agama Negeri yang sudi membantu dalam membangunkan sosio-ekonomi negara.
17. Dalam konteks kewangan sosial, cendekiawan Syariah mempunyai peranan penting dalam memastikan inovasi produk selari dengan kehendak Syarak. Keputusan Syariah yang diberikan menjadi landasan dalam penerokaan idea baharu yang seterusnya dapat membantu masyarakat melalui instrumen kewangan sosial yang berimpak tinggi.
18. Menerusi perkongsian pengalaman dari negara-negara serantau pada Muzakarah kali ini, diharapkan dapat mencetuskan idea-idea baharu dalam membina inisiatif sosio-ekonomi yang lebih komprehensif.

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Akhir kata, Universiti INCEIF ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penganjur bersama Lembaga Zakat Negeri Kedah dan pihak penaja iaitu MBSB Bank Berhad dan Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam (ASAS) yang memberi

bantuan dan sokongan bagi penganjuran Muzakarah. Juga, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada urus setia yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakannya.

20. Patik mendoakan agar Muzakarah pada kali ini berjalan dengan lancar dan menjadi satu platform mencerakinkan isu-isu Syariah dan pemangkin kepada inovasi.

Ampun Tuanku, beribu ampun, sembah patik pohon diampun.

21. Demikianlah sahaja ucapan patik dan sebelum mengundur diri patik sekali lagi menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam menyempurnakan Majlis Perasmian Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-16 2022 ini. Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terus bersemayam di atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dengan dilindungi sihat sejahtera.

Sekian sahaja persembahan ucapan patik.

Ampun Tuanku.